

Premis hiburan beroperasi lebih masa, lelaki didenda RM1,000

MIRI: Seorang lelaki didenda RM1,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana menjalankan perniagaan premis hiburan melebihi tempoh operasi yang dibenarkan.

Wee Yee Lang, 43, dari Taman Yakin, Krokop di sini, telah didakwa di bawah Peraturan 28 Ordinan Hiburan 2001 yang memperuntukkan denda

tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah gagal mematuhi Peraturan 24 Ordinan Hiburan 2001 apabila menjalankan perniagaan pusat hiburan melebihi tempoh masa operasi yang dibenarkan oleh Majlis Bandaraya Miri dalam lesen premis iaitu

dari jam 12 tengah hari hingga 2.30 pagi.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3 pagi, 4 Februari lalu di sebuah pusat karaoke di Blok 9 MCLD, Kampung Wireless di sini.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain di hadapan Majistret Randu Rangen manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.